

UTUSAN MALAYSIA – 24 FEBRUARI 2010

Laporan 30 tahun lalu tidak banyak berubah dengan keadaan sekarang

TIMBALAN Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin telah meneguhkan hasrat beliau untuk mengembalikan kemeriahan sukan di sekolah dengan beberapa langkah yang akan diperkenalkan.

Pengumuman beliau selepas upacara Anugerah Persatuan Penulis-Penulis Sukan Malaysia (SAM) 2009 minggu lalu konsisten dengan saranan yang dibuat ketika baru menjawat jawatan Menteri Pelajaran. Dasar satu murid mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam satu sukan akan dilaksanakan mulai tahun 2011.

Saya terbaca Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Tahun 1979 yang menyatakan bahawa... pada hari ini juga didapati sekolah-sekolah kurang mengadakan kegiatan-kegiatan sukan yang boleh melibatkan penyertaan oleh ramai murid seperti lumba jalan kaki, merentas desa dan sebagainya.

Laporan yang dibuat 30 tahun dahulu nampaknya tidak banyak mengalami perubahan kalau ditinjau sepintas lalu dengan keadaan yang terdapat sekarang.

Tanggapan bahawa aktiviti sukan perlu diselesaikan secepat mungkin untuk memberi masa kepada para pelajar menghadapi peperiksaan mendominasi pemikiran di sekolah pada hari ini.

Hatta, pelajar-pelajar yang tidak menghadapi apa-apa peperiksaan pun tidak diberi peluang untuk bersukan sehingga ke akhir tahun.

Hasrat Menteri Pelajaran ini ialah untuk melihat sukan diletakkan di tempat yang sepatutnya.

Kemeriahan sukan mesti dikembalikan di sekolah-sekolah supaya aktiviti sukan tidak terhenti pada bulan Ogos atau September setiap tahun.

Bersukan adalah satu naluri semula jadi bagi anak-anak dan para remaja. Menidakkan mereka melunaskan naluri ini akan menimbulkan keadaan yang mungkin negatif kesannya.

Sukan mestilah dilihat lebih daripada sukan oleh kerana nilai-nilai yang terkandung di dalamnya dan yang diperolehi melaluinya adalah banyak.

Kaedah mengajar sukan mestilah dilakukan dengan menyedari bahawa nilai-nilai positif ini dapat membentuk sahsiah murid-murid dan para remaja.

Sehubungan itu, Menteri Pelajaran mengarahkan supaya silibus dan kurikulum pengajaran sukan dibentuk untuk tahap pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Dengan ini sukan dapat diajar mengikut kaedah yang betul dalam mendidik mereka yang menyertainya mengenali apa itu disiplin, jati diri, semangat juang, setia kawan, semangat sepasukan, kerjasama dan lain-lain lagi.

Ramai yang berpendapat bahawa sukan adalah satu perkara yang main-main. Oleh itu, mereka membuat padang secara cincai ataupun membina kolam renang yang sukatannya tidak memenuhi piawaian atau kurang daripada ukuran sebenarnya.

Pada hal sukan mempunyai undang-undangnya sendiri dan mereka yang melanggar undang-undang ini akan didenda dengan berbagai cara termasuk dengan melayangkan kad kuning atau kad merah bagi pemain bola sepak.

Sukan mengajar menepati waktu. Sesiapa yang menyertai pertandingan golf akan kecewa kalau lambat sampai ke tee box yang ditetapkan.

Tidak ada istilah jam Melayu kepada pemain golf.

Budaya sukan di sekolah dan di kalangan guru sudah tidak seperti dulu.

Kalau dulu guru merupakan tulang belakang kegiatan sukan negara, jumlah mereka berkurangan dan mereka yang masih aktif adalah golongan veteran yang menanti yang muda mengambil alih.

Jurulatih daripada kalangan guru pun tidak besar jumlahnya. Ini semua berlaku kerana sukan tidak lagi menjadi kebanggaan di sekolah.

Pencapaian akademik menjadi begitu penting! Kelas tuition lebih penting dari padang permainan.

Tugas untuk meletakbetulkan sukan ke tempat yang sepatutnya di sekolah menghadapi cabaran yang amat besar.

Berhadapan dengan pelbagai kekangan seperti kekurangan kemudahan dan jurulatih, maka usaha Timbalan Perdana Menteri ini memerlukan satu tekad yang kuat.

Kepada pihak yang kurang percaya kepada usaha ini mestilah menerima hakikat bahawa sukan merupakan sesuatu yang penting di sekolah pada masa dulu.

Usaha Tan Sri Muhyiddin hanyalah untuk mengembalikan apa yang hak dan bukan mencipta sesuatu yang baru dan asing.

Penekanan terhadap sukan bukan bermakna mengabaikan pelajaran. Negara kita pada satu ketika dulu hanya mempunyai satu (1) universiti sahaja.

Untuk mendapatkan tempat ke Universiti Malaya perlu bersaing dengan cukup sengit.

Dalam keadaan ini, kita masih melihat sukan terus aktif di sekolah-sekolah walaupun para pelajar atau ibu bapa tahu bahawa peluang untuk ke menara gading berkenaan amatlah sempit.

Negara kita sekarang mempunyai lebih dari 20 IPT awam dan swasta dengan peluang untuk meneruskan pelajaran tidaklah seketat dulu.

Alasan untuk tidak bersukan amat payah hendak diterima tambahan pula Tan Sri Muhyiddin telah pun memaklumkan bahawa kegiatan sukan tidak akan menjejaskan pelajaran khususnya bagi para pelajar yang hanya terlibat dalam program sukan biasa di sekolah.

Ibu bapa yang bersukan tidak akan menghalang anak mereka untuk bersukan di sekolahnya. Ibu bapa yang tidak pernah bersukan berkemungkinan besar tidak akan membenarkan anak-anak mereka terlibat dalam sukan.

Dalam keadaan ini usaha Menteri Belia dan Sukan untuk membina industri sukan di negara ini akan lambat tercapai kerana jumlah pengguna sukan tidak ramai dan budaya sukan tidak dapat diterapkan kepada setiap murid dan pelajar sekolah.

Jika lebih ramai pelajar sekolah terlibat dalam sukan, maka lebih mudah budaya sukan hendak dikembangkan dan lebih mudah lagi industri sukan dibangunkan di negara ini.

(Penulis merupakan bekas Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara)